

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN)
(PINDAAN) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Phg. P.U. 26 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

Phg. P.U. 11

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

2. Tafsiran
3. Bahasa iklan
4. Penggunaan perkataan "Halal"
5. Pelesenan iklan
6. Permohonan bagi mendapatkan lesen
7. Pengeluaran lesen
8. Pembaharuan lesen
9. Fi lesen
10. Fi lesen hendaklah dibayar balik jika lesen tidak dikeluarkan
11. Pembatalan lesen
12. Pembayaran balik deposit
13. Kawasan untuk iklan
14. Pengecualiaan daripada lesen
15. Ketinggian dan unjuran iklan, dsb.
16. Keselamatan struktur iklan
17. Penyenggaraan
18. Menurunkan iklan
19. Penalti
20. Anggapan
21. Pemohon bertanggungjawab atas kegagalan
22. Kerosakan
23. Pengecualian
24. Kompaun

Phg. P.U. 26 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

Undang-Undang Kecil Baharu

25. Merampas barang

Phg. P.U. 11

UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN
UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN
(LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Iklan (Lembaga Pembangunan Tioman) (Pindaan) 2020**.

(2) Undang-Undang Kecil ini hendaklah disifatkan telah **mula berkuat kuasa pada 1 April 2019**.

Tafsiran

2. (1) Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“**arkitek berdaftar**” ertinya seseorang yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Arkitek 1967 [Akta 117];

“**fi lesen**” ertinya fi lesen yang kena dibayar di bawah Undang-Undang Kecil 9 dan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual;

“**iklan**” ertinya **apa-apa pemberitahuan, pengumuman atau penerbitan** yang dipamerkan, ditunjukkan atau didirikan bagi **maksud memberi tahu orang ramai mengenai apa-apa** barang, keluaran, pengeluaran, tred, perniagaan, profesion, firma, perbadanan, organisasi, institusi, tempat, premis, peristiwa, aktiviti atau apa-apa perkara atau maklumat lain, di atas apa-apa papan dinding, papan, bumbung, dinding, pagar perpancng, pagar, pokok, rangka, plat, kain, rintangan, tiang, tonggak, dawai, salutan atau apa-apa struktur atau alat lain atau mana-mana bahagiannya di atas atau di dalam mana-mana bangunan, jalan atau tempat peranginan awam atau tempat awam atau di atas mana-mana tanah dan **termasuklah tanda langit, poster, tanda arahan dan papan tanda** tetapi **tidak termasuk suatu iklan pilihan raya**;

“**iklan bercahaya**” ertinya apa-apa iklan yang disinari daripada struktur atau rangka iklan itu sendiri dengan lampu elektrik seperti lampu bebola, lampu kalimantang, lampu neon **tetapi tidak termasuk lampu tumpu atau apa-apa alat lain yang berada di luar struktur atau rangka iklan** itu yang mengeluarkan cahaya pancaran ke atas iklan yang akan menyebabkan iklan itu dilihat dengan terang pada waktu malam;

“**iklan pilihan raya**” mempunyai erti yang sama seperti dalam **Undang-Undang Kecil Iklan Pilihan Raya (Lembaga Pembangunan Tioman) 2004**;

“**iklan tidak bercahaya**” ertinya sesuatu iklan **selain daripada iklan bercahaya**;

“**jurutera awam berdaftar**” atau “**jurutera struktur berdaftar**” ertinya yang didaftarkan sebagai sedemikian di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138]

“**Lembaga**” ertinya Lembaga Pembangunan Tioman yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 [Enakmen No.7 tahun 1997];

“**lesen**” ertinya lesen untuk mempamerkan iklan yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil 17;

“**papan tanda**” ertinya mana-mana yang menunjukkan nama atau cap dagangan berdaftar mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan atau jenis tred, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh orang, firma, perbadanan atau pertubuhan itu;

“**pegawai pelesen**” ertinya Yang Dipertua atau Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis untuk mengeluarkan lesen oleh Lembaga;

“**pemegang lesen**” ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

“**poster**” ertinya iklan yang bukan dari jenis iklan perdagangan yang kekal dan berukuran tidak lebih daripada 60 sentimeter kali 90 sentimeter;

“**Setiausaha**” ertinya **Pengurus Perbandaran dan Kerajaan Tempatan Lembaga Pembangunan Tioman**;

“**tanda arahan**” ertinya mempamerkan dengan apa-apa cara akan cap degangan berdaftar atau jenis tred, perniagaan atau profesion mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan dan **dimaksudkan untuk menunjukkan jalan ke sesuatu premis** di mana papan tanda tidak dapat dilihat dari jalan;

“**tanda langit**” ertinya apa-apa binaan yang terdiri daripada sesuatu bingkai, papan dinding, papan, bar, pilar, tiang, dawai, atau sesuatu gabungan daripada benda-benda itu, atau apa-apa binaan yang serupa itu, atau **apa-apa benda boleh dilihat terapung atau yang ditetapkan kedudukannya** dengan ikatan dawai atau dengan lain-lain alat yang boleh dilenturkan, yang ditunjukkan **bagi maksud iklan perdagangan atau profession** dalam sesuatu kedudukan supaya boleh mudah dilihat berlatarkan langit dari mana-mana lebu atau tempat awam;

“**tiang poster**” ertinya tiang yang disediakan oleh Lembaga untuk mempamerkan poster;

“**Timbalan Yang Dipertua**” ertinya Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman;

“**Yang Dipertua**” ertinya Pengerusi Lembaga Pembangunan Tioman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

(2) Dalam Undang-Undang Kecil ini, sebutan mengenai orang yang mempamerkan sesuatu iklan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang secara bersendirian atau melalui pekerja atau ejennya, mempamerkan atau mengarah supaya dipamerkan iklan itu dan hendaklah disifatkan sebagai termasuk –

(a) pemunya atau penduduk tanah di mana iklan itu dipamerkan

- (b) mana-mana orang, firma, perbadanan atau pertubuhan yang mengenai barang-barang, tred, perniagaan, profesion, peristiwa atau lain-lain urusannya, publisiti diberikan melalui iklan itu.

Bahasa iklan

3. (1) Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi semua iklan sama ada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.

(2) Jika Bahasa Kebangsaan **digunakan bersama** dengan apa-apa bahasa lain dalam sesuatu iklan, perkataan-perkataan dalam **Bahasa Kebangsaan itu hendaklah berukuran lebih besar dan ditunjukkan dengan lebih jelas** dari segi keutamaan visual dan kedudukan daripada perkataan-perkataan dalam mana-mana bahasa lain dan penggunaan Bahasa Kebangsaan hendaklah dengan tata bahasa yang betul.

(3) Tiada seorangpun boleh mempamerkan atau menyebabkan atau membenarkan dipamerkan mana-mana iklan yang **tidak mematuhi perenggan (1) dan (2)**.

(4) Walau apa pun peruntukan perenggan (3), jika nama sesuatu firma, syarikat atau persatuan sebagaimana yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran 1965 [Akta 197], Akta Syarikat 1965 [Akta 125] atau Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335], terdiri daripada atau termasuk perkataan yang **bukan dalam Bahasa Kebangsaan**, adalah **tidak perlu untuk menterjemahkan perkataan-perkataan itu ke dalam Bahasa Kebangsaan**:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang mempamerkan iklan berlesen hendaklah **menyatakan jenis aktivitiya di dalam Bahasa Kebangsaan** selaras dengan keperluan perenggan (1) dan (2).

(5) Jika ternyata kepada pegawai pelesen bahawa terdapat penggunaan Bahasa Kebangsaan yang **tidak betul** dalam mana-mana iklan, pegawai pelesen boleh **melalui notis secara bertulis** memerintahkan orang yang mempamerkan iklan itu, atau yang telah menyebabkan atau membenarkan iklan itu dipamerkan, **mengubah iklan** itu untuk membetulkan kesalahan itu mengikut apa-apa cara dan dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh pegawai pelesen dalam notis itu.

Penggunaan perkataan “Halal”

4. (1) **Tiada seorangpun boleh menggunakan perkataan “Halal”, “Ditanggung Halal” atau lain-lain perkataan** yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah diproses, dimasak atau dibuat dengan cara yang diluluskan oleh agama Islam atau bahawa makanan itu tidak mengandungi apa-apa benda yang ditegah bagi seseorang Islam melainkan orang itu mendapat kebenaran bertulis daripada pegawai pelesen.

(2) Sebelum memberi kelulusan di bawah perenggan (1) pegawai pelesen boleh menghendaki bukti dengan memuaskan hatinya bahawa makanan itu tidak ditegah di bawah Agama Islam untuk dimakan oleh orang-orang Islam.

Pelesenan Iklan

5. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 18, tiada seorangpun boleh mempamerkan atau menyebabkan dipamerkan apa-apa iklan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh pegawai pelesen.

Permohonan bagi mendapatkan lesen

6. (1) Sesuatu permohonan bagi **mendapatkan lesen atau memperbaharui lesen** untuk mempamerkan iklan hendaklah **dibuat secara bertulis** kepada pegawai pelesen dan hendaklah disertakan dengan –

- (a) dua salinan lakaran yang menunjukkan butir-butir lengkap iklan itu;
- (b) pelan tapak atau pelan tempat mengikut **skala 1:750** yang menunjukkan kedudukan iklan itu;
- (c) jika berkenaan, pelan struktur yang hendak didirikan bagi maksud mempamerkan iklan itu bersama dengan perakuan seorang arkitek berdaftar atau jurutera struktur berdaftar yang memperkukuhkan bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan tegap dan kukuh selama tempoh iklan itu dijangka hendak dipamerkan; dan
- (d) fi lesen sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual**.

(2) Jika sesuatu **iklan** hendak **dilekatkan kepada bangunan**, pegawai pelesen boleh sebagai tambahan kepada kehendak-kehendak di bawah perenggan (1), menghendaki pemohon mengemukakan suatu **taksiran bertulis oleh seorang jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar mengenai kekukuhan struktur** bangunan itu atau bahagian bangunan di mana iklan itu hendak dilekatkan.

(3) Pegawai pelesen **boleh menghendaki** seseorang pemohon **mendeposit dengannya sejumlah wang yang jumlahnya sama dengan bayaran fi lesen** yang ditetapkan bagi lesen tersebut.

Pengeluaran lesen

7. (1) Apabila menerima permohonan, pegawai pelesen boleh, apabila dibayar fi lesen dan apa-apa deposit yang dikehendaki, mengeluarkan kepada pemohon sesuatu lesen untuk mempamerkan iklan.

(2) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah di dalam bentuk yang ditetapkan oleh pegawai pelesen.

(3) Pegawai Pelesen boleh mengenakan pada mana-mana lesen yang dikelaurkan di bawah perenggan (1) apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut dikenakan.

(4) Pemegang lesen hendaklah mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan pada lesen.

Pembaharuan lesen

8. (1) Sesuatu lesen boleh dari semasa ke semasa diperbaharui atas pembayaran fi lesen.

(2) Sesuatu permohonan bagi memperbaharui lesen hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tamatnya lesen itu dan hendaklah disertakan dengan fi lesen.

Fi lesen

9. Fi lesen yang kena dibayar bagi jenis iklan yang dinyatakan dalam ruangan pertama Jadual hendaklah dihitung mengikut kiraan bulanan dan mengikut kadar yang ditetapkan dalam ruangan kedua Jadual.

Fi lesen hendaklah dibayar balik jika lesen tidak dikeluarkan

10. (1) Pegawai pelesen boleh enggan mengeluarkan atau memperbaharui sesuatu tanpa memberi apa-apa sebab baginya.

(2) Jika pegawai pelesen enggan mengeluarkan atau memperbaharui sesuatu lesen fi lesen yang telah dibayar hendaklah dikembalikan kepada pemohon.

(3) Jika pemohon menarik balik permohonannya sebelum ia dipertimbangkan oleh pegawai pelesen, maka pegawai pelesen boleh melucutkan setengah fi lesen yang dikemukakan bersama dengan permohonan itu dan bakinya akan dikembalikan sepenuhnya kepada pemohon.

Pembatalan lesen

11. (1) Pegawai pelesen **boleh tanpa memberi apa-apa sebab** baginya, membatalkan sesuatu lesen:

Dengan syarat bahawa sebelum membatalkan lesen itu pegawai pelesen hendaklah **memberi satu bulan notis secara bertulis** akan cadangannya hendak berbuat demikian kepada pemegang lesen.

(2) Jika sesuatu lesen dibatalkan, orang yang mempamerkan iklan itu hendaklah **menurunkan iklan** yang berkaitan dengan lesen itu dalam tempoh **empat belas hari daripada tarikh pembatalan lesen** itu.

(3) Jika sesuatu lesen dibatalkan kerana melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, fi bagi tempoh yang belum tamat yang sepatutnya lesen itu boleh digunakan jika tidak disebabkan oleh pembatalan itu **tidak akan dikembalikan dan tiada gantirugi** akan dibayar bagi pembatalan itu.

(4) Jika sesuatu lesen **dibatalkan kerana sesuatu sebab lain** selain daripada sebab melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini, pegawai pelesen **hendaklah mengembalikan** kepada pemegang lesen itu **sebahagian daripada fi lesen berkadaran dengan tempoh lesen yang belum tamat** yang sepatutnya lesen itu boleh digunakan jika tidak disebabkan oleh pembatalan itu tetapi tiada ganti rugi akan dibayar bagi pembatalan itu.

Pembayaran balik deposit

12. Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil 18 di bawah perenggan 6 (3) hendaklah dibayar balik kepada orang yang mempamerkan iklan itu **selepas habis tempoh atau pembatalan lesennya dan iklan itu diturunkan.**

Kawasan untuk iklan

13. Sesuatu iklan yang dilesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dipamerkan hanya dalam kawasan yang diluluskan oleh pegawai pelesen sahaja.

Pengecualian daripada lesen

14. (1) Tiada lesen dikehendaki bagi –

- (a) sesuatu **iklan yang luasnya tidak melebihi 1 meter persegi** yang mengiklankan **penjualan atau penyewaan tanah atau rumah** jika iklan itu **dipamerkan di atas tanah harta** yang hendak dijual atau disewa itu;

Dengan syarat bahawa **tidak lebih daripada satu iklan** penjualan atau penyewaan itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu harta;

- (b) sesuatu **papan tanda kontraktor bangunan atau kejuteraan awam** yang luasnya **tidak melebihi 3 meter persegi** jika papan tanda itu **didirikan di atas harta** di mana apa-apa kerja bangunan atau kejuteraan awam sedang dijalankan;

Dengan syarat bahawa **tidak lebih daripada satu papan tanda** itu boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu projek;

- (c) sesuatu **papan kontraktor kecil** yang luasnya **tidak melebihi dua meter persegi** yang didirikan berhubungan dengan sesuatu projek bangunan atau kejuteraan awam;

Dengan syarat bahawa **satu papan tanda sahaja** boleh dipamerkan mengenai mana-mana satu projek dan papan tanda itu **tidak boleh mengandungi apa-apa perkara bergambar**;

- (d) satu tanda arahan berukuran tidak melebihi 0.3 meter persegi mengandungi nama orang atau firma, perbadanan atau pertubuhan yang didirikan di atas sesuatu tapak bina yang diluluskan oleh pegawai pelesen.

(2) Walaupun tiada lesen dikehendaki bagi sesuatu iklan di bawah Undang-Undang Kecil ini, iklan **itu hendaklah dipamerkan mengikut Undang-Undang Kecil 3, 15 dan 16.**

Ketinggian dan unjuran iklan, dsb.

15. (1) Jika mana-mana **bangunan mempunyai sempadan yang sama dengan mana-mana jalan** –

- (a) mana-mana iklan yang berukuran antara ketinggian 5 meter tetapi tidak kurang daripada 2.75 meter, diukur menegak dari paras jalan, tidak boleh mempunyai unjuran melebihi 600 milimeter ke atas jalan itu;

- (b) mana-mana iklan yang berukuran melebihi 5 meter, yang diukur menegak dari paras jalan, tidak boleh mempunyai unjuran yang melebihi 1200 milimeter ke atas jalan itu;

(c) bagi kedua-dua (a) dan (b) di atas, apa-apa unjuran yang disebut itu mestilah diukur dari garis biasa jalan itu;

(2) Dalam keadaan lain, tiada suatupun iklan boleh didirikan dalam garisan bangunan sesuatu premis kecuali jika dibenarkan secara bertulis oleh pegawai pelesen.

(3) Tiada iklan yang tingginya melebihi 5 meter diukur tegak dari lorong jalan boleh menganjur keluar lebih daripada 0.6 meter melebihi garisan sempadan jalan.

Keselamatan struktur iklan

16. (1) Apa-apa struktur, bersama dengan apa-apa lekapan pada sesuatu bangunan atau sebahagian daripada sesuatu bangunan, yang didirikan bagi maksud mempamerkan sesuatu iklan **hendaklah diperakui sebagai kukuh dari segi struktur oleh seorang jurutera awam atau jurutera struktur berdaftar** selama tempoh lesen itu dalam borang yang ditetapkan oleh pegawai pelesen dan jika dikehendaki oleh pegawai pelesen, perakuan itu hendaklah termasuk kestabilan struktur bangunan atau sebahagian bangunan yang menyokong iklan itu.

(2) Apa-apa pelan yang dikemukakan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah mematuhi keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan (Pahang) 1996 [Phg. P.U. 4/1996].

(3) Pegawai pelesen boleh dalam sesuatu kes tertentu mengecualikan pemohon daripada kehendak perenggan (1).

Penyenggaraan

17. (1) Pegawai pelesen boleh melalui notis bertulis memerintahkan orang yang mempamerkan mana-mana iklan berlesen untuk mengecat semula, mengganti, membaiki atau membersihkan iklan itu dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan di dalam notis itu.

(2) Jika warna mana-mana iklan bercahaya berlesen yang **berkemungkinan menyebabkan kekeliruan atau gangguan kepada orang awam** apabila iklan itu bercahaya, pegawai pelesen boleh melalui **notis bertulis** memerintahkan orang yang mempamerkan iklan itu **menukarkan warna-warna** dalam sesuatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu dan pemegang lesen hendaklah mematuhi notis itu.

Menurunkan iklan

18. (1) Pegawai pelesen boleh memerintahkan supaya diturunkan serta merta apa-apa iklan, apa-apa struktur yang didirikan khas untuk iklan itu, **yang dipamerkan tanpa lesen atau yang melanggar mana-mana peruntukan** Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pegawai pelesen atau mana-mana pegawai Lembaga yang diberi kuasa boleh memasuki mana-mana premis pada bila masa yang berpatutan dan melaksanakan penurunan mana-mana iklan tersebut jika perintah penurunan tidak dipatuhi.

(3) Segala **perbelanjaan** bagi menurunkan iklan itu di bawah perenggan (2) hendaklah **ditanggung oleh orang yang mempamerkan iklan** itu dan pegawai pelesen boleh memotong perbelanjaan tersebut daripada mana-mana wang yang kena dibayar di bawah perenggan **10(3)** dan Undang-Undang Kecil **12**.

(4) Pegawai pelesen boleh bagi maksud membaiki, mengecat semula atau membersihkan mana-mana tiang poster, memerintahkan supaya dipindahkan apa-apa poster dan walaupun mungkin ada apa-apa tempoh bagi lesen yang belum tamat, tiada apa-apa amaun fi lesen boleh dibayar balik kepada pemegang lesen.

Penalti

19. Mana-mana orang yang melanggar, atau **tidak mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat lesen** atau apa-apa notis perintah pegawai pelesen, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh **didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya** dan **denda tambahan tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari** kesalahan itu diteruskan.

Anggapan

20. Dalam mana-mana pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini maka hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa –

(a) mana-mana iklan yang dipamerkan di atas atau di dalam mana-mana premis telah dipamerkan oleh atau dengan kebenaran pemunya atau penduduk premis itu;

(b) mana-mana iklan mengenai sesuatu keluaran telah dipamerkan sedemikian oleh pembuat atau pengilang keluaran itu atau mengenai sesuatu barang-barang yang diimport, oleh ejen tunggal atau pengedarnya;

(c) mana-mana iklan mengenai apa-apa peristiwa telah dipamerkan oleh penganjur peristiwa atau jika penganjur peristiwa itu tidak diketahui oleh orang yang kepadanya hasil jualan tiket bagi peristiwa itu akan dibayar atau oleh orang yang akan mendapat keuntungan daripada iklan itu.

Pemohon bertanggungjawab atas kegagalan

21. (1) Tanggungjawab terhadap **keruntuhan atau kegagalan sesuatu struktur atau lekapan** yang berhubung dengan pertunjukan iklan sama **ada semasa ia dibina atau selepas ia siap**, hendaklah **prima facie** terletak ke atas orang atau orang-orang yang telah mengemukakan permohonan untuk lesen itu.

(2) Walaupun sesuatu iklan telah diluluskan oleh pegawai pelesen atau walaupun pegawai pelesen telah mengecualikan pemohon itu daripada perenggan 15(1) **pegawai pelesen tidaklah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang berlaku kepada mana-mana orang oleh keruntuhan atau kegagalan struktur atau lekapan** untuk iklan itu.

Kerosakan

22. Pegawai pelesen **tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan olehnya atau pekerja-pekerjanya dalam menjalankan peruntukan-peruntukan** Undang-Undang Kecil ini.

Pengecualian

23. Pegawai pelesen dengan bersyarat atau tanpa syarat, boleh mengecualikan mana-mana orang yang difikirkan patut daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

Kompaun

24. (1) Sebarang kesalahan yang dilakukan di **bawah Undang-Undang Kecil 3, 4, 5, 7, 13, 14, 15, 16, 17 dan 18** boleh dikompaun oleh Lembaga.

(2) **Yang Dipertua atau Setiausaha atau Penolong Pegawai Pendakwa** boleh mengkompaun mana-mana kesalahan tersebut.

(3) Jumlah wang yang akan dikutip oleh Lembaga bagi mengkompaun sesuatu kesalahan tersebut **tidak boleh melebihi dua ratus lima puluh ringgit.**

(4) Tawaran untuk mengkompaun sesuatu kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran hendaklah dalam borang yang ditentukan oleh Lembaga.

Merampas barang

25. (1) Jika seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Mahkamah boleh memerintahkan supaya dirampas –

(a) kesemua atau sebahagian daripada barang yang menjadikan kesalahannya; atau

(b) mana-mana barang lain harta kepunyaan orang yang dituduh itu yang digunakan olehnya untuk melakukan kesalahan itu atau yang telah dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL
(Undang-Undang Kecil 9)

Bil.	FI LESEN Ruang Pertama Jenis Iklan	Ruang Kedua Fi yang kena dibayar RM
1.	Iklan tidak bercahaya:	
	(a) Bagi keluasan tidak melebihi 8 meter persegi	90.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian daripadanya yang melebihi 8 meter persegi diukur meliputi keluasan untuk mempamerkan iklan	9.00 setahun
2.	Iklan bercahaya:	
	(a) Bagi keluasan tidak melebihi 8 meter persegi	60.00 setahun
	(b) Bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian daripadanya yang melebihi 8 meter persegi diukur meliputi keluasan untuk mempamerkan iklan	6.00 setahun
3.	Jika sangga permukaannya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk mempamerkan iklan, bagi tiap-tiap 1 meter persegi yang lebih dari ruangan itu.	5.00 setahun
4.	Iklan kecil:	
	Iklan yang saiznya tidak melebihi 1 meter persegi dan bertujuan untuk dipamerkan lebih daripada satu iklan dari rekabentuk yang sama:	
	(a) Bagi 100 iklan yang pertama atau sebahagian daripadanya	10.00 setiap satu tahun
	(b) Bagi tiap-tiap tambahan 100 iklan atau sebahagian daripadanya	8.00 setiap setahun
5.	Iklan kecil:	
	Iklan yang saiznya tidak melebihi 0.5 meter persegi dan bertujuan untuk dipamerkan lebih daripada satu iklan dari rekabentuk yang sama:	
	(a) Bagi 100 iklan yang pertama atau sebahagian daripadanya	3.00 setiap satu setahun
	(b) Bagi tiap-tiap tambahan 100 iklan atau sebahagian daripadanya	2.00 setiap satu setahun

Bil.	Ruang Pertama Jenis Iklan	Ruang Kedua Fi yang kena dibayar RM
6.	Iklan di atas papan mengunjur keluar lebih daripada 15 meter dari bangunan , keluasan yang hendak diukur meliputi seluruh luas papan tanda itu termasuk bingkai dan jika dipamerkan di kedua belah papan itu, tiap-tiap satu muka iklan itu hendaklah diukur:	
(a)	Tidak bercahaya – Keluasan yang tidak lebih daripada 2 meter persegi lagi satu tanda	24.00 setahun
(b)	Tidak bercahaya – Bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian daripadanya yang lebih daripada 2 meter persegi	15.00 setahun
(c)	Bercahaya – Bagi 1 meter persegi atau sebahagian daripadanya	12.00 setahun
7.	Iklan dalam bentuk huruf atau huruf-huruf yang dipamerkan pada mana-mana dinding, tembok atau bumbung tanpa sebarang bingkai hendaklah diukur dengan menambah ukuran di sekeliling atau huruf-huruf tersebut mengikut tinggi sebenar huruf yang digunakan:	
	Iklan tidak bercahaya –	
(a)	Bagi saiz yang tidak melebihi 8 meter persegi	90.00 setahun
(b)	Bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian daripadanya yang melebihi 8 meter persegi	9.00 setahun
	Iklan bercahaya –	
(a)	Bagi saiz yang tidak melebihi 8 meter persegi	60.00 setahun
(b)	Bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian daripadanya yang melebihi 8 meter persegi	6.00 setahun
8.	Lesen untuk tanda langit diukur meliputi keluasan ruangan yang digunakan untuk mempamerkan tanda langit bagi tiap-tiap 1 meter persegi	15.00 setahun
9.	Jika sokong permukaan lebih daripada ruangan yang digunakan untuk mempamerkan iklan bagi tiap-tiap 1 meter persegi atau sebahagian daripadanya yang lebih daripada ruangan itu	8.00 setahun
10.	Poster yang dipamerkan di atas tiang poster bagi 1 meter persegi	5.00 setahun

Bil.	Ruang Pertama Jenis Iklan	Ruang Kedua Fi yang kena dibayar RM
11.	Sepanduk:	
	(a) Bagi saiz tidak melebihi 8 meter persegi	20.00 setahun
	(b) Bagi saiz yang tidak melebihi 6 meter persegi	60.00 setahun